

DBKL mendapati premis itu menghalang laluan tempat awam

# Penjaja asing kena serbu di Segambut

Oleh **TUAN NURHIDAYAH  
TUAN AB. GHANI**

**KUALA LUMPUR** – Barang perniagaan dua penjaja warga asing disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika operasi dilaksanakan Sabtu lalu.

Selain sitaan terbabit, premis perniagaan yang menghalang tempat awam di sekitar Jalan Sri Bintang dan Jalan Pintasan Segambut juga dikenakan tindakan.

DBKL dalam kenyataan semalam berkata, operasi itu dibuat pihaknya melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Segambut.

“Dalam operasi tersebut, sebanyak dua barangan penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen telah dikenakan tindakan sita serta merta di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Selain itu, berdasarkan aduan yang diterima, dua lagi premis perniagaan telah dikenakan tindakan pindah halangan terhadap



**DUA** penjaja warga asing yang mengganggu laluan orang awam telah disita di Jalan Pintasan dan Jalan Sri Bintang di Segambut, Kuala Lumpur semalam.

“

Dalam operasi tersebut, sebanyak dua barangan penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen telah dikenakan tindakan sita.”

barangan perniagaan yang diletakkan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, kesemua barangan yang diambil tindakan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, di sini, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari masa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenalpasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh disalurkan maklumat di <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” jelas kenyataan itu.